



PENERAPAN FALSAFAH PENDIDIKAN KEBANGSAAN DAN PENDIDIKAN LITERASI DIGITAL DALAM KURIKULUM

*(The implementation of the National Education Philosophy and Digital Literacy Education
in the Curriculum)*

Muhammad Basri Mohd Zaid¹, W Omar Ali Saifuddin Wan Ismail^{1*}, Muhammad Firdaus Azman¹,
Muhammad Adib Afham Zakaria¹, Mohamad Luqman Hakim Mohd Noor¹

¹ Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin, 21300 Kuala Nerus, Malaysia

*Corresponding Author Email: woasaifuddin@unisza.edu.my

Received: 18 February 2024 • Accepted: 22 April 2024 • Published: 30 April 2024

Abstrak

Pada era globalisasi ini, Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) bukanlah sesuatu yang asing kepada pelajar mahupun guru. Malah TMK juga digunakan untuk semua peringkat pembelajaran bermula dari peringkat tadika sehinggalah peringkat pengajian tinggi. Literasi digital adalah selari dengan hasrat Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM 2013-2025) dan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) yang bertujuan mewujudkan insan yang seimbang dan harmoni dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek. Objektif kajian berfokuskan kepada faktor penghalang penggunaan TMK dalam kalangan guru dan mengenal pasti kesediaan guru dalam penggunaan TMK di sekolah. Metodologi kajian berbentuk kuantitatif yang menggunakan soal selidik untuk memperoleh data. Kajian dijalankan di empat buah sekolah yang terdiri daripada dua buah sekolah rendah dan dua buah sekolah menengah. Sebanyak 40 set soal selidik telah diedarkan kepada guru-guru. Hasil kajian mendapati bahawa guru-guru bersetuju penggunaan TMK membantu dalam pengajaran di sekolah dan menunjukkan bahawa guru-guru percaya masa depan pembelajaran lebih meluas apabila menggunakan TMK dalam pendidikan. Analisis juga turut mengenalpasti terdapat hubungan signifikan antara kekurangan kemudahan TMK dengan kesediaan guru terhadap penggunaan TMK. Tuntasnya, adalah menjadi tugas para pendidik untuk bersedia menerima idea literasi digital ke arah mencapai visi dan misi pendidikan dalam mendepani cabaran negara maju.

Kata kunci: Falsafah Pendidikan Kebangsaan; Pendidikan; Digital; Tmk; Literasi

Abstract

In this era of globalization, Information and Communication Technology (TMK) is not unfamiliar to both students and teachers. In fact, TMK is used at all levels of education, starting from kindergarten to higher education. Digital literacy aligns with the aspirations of the Ministry of Education Malaysia (MOE) in the Malaysian Education Development Plan (PPPM 2013-2025) and the National Education Philosophy (NEP), aiming to create individuals who are balanced and harmonious in terms of physical, emotional, spiritual, and intellectual aspects. The research objective focuses on identifying the barriers to TMK usage among teachers and determining teachers' readiness to use TMK in schools. The research methodology is quantitative, employing a questionnaire to collect data. The study was conducted in four schools, consisting of two primary schools and two secondary schools. A total of 40 questionnaires were distributed to teachers. The research findings indicate that teachers agree that the use of TMK aids in teaching and demonstrates that teachers believe the future of learning will be more extensive when incorporating TMK in education. The analysis also identifies a significant correlation between the lack of TMK facilities and teachers' readiness for TMK usage. In conclusion, it is the responsibility of educators to be open to the idea of digital literacy in achieving the vision and mission of education in facing the challenges of a developed nation.

Keywords: *National Education Philosophy; Education; Digital; Tmk; Literacy*

Cite as: Mohd Zaid M. Z, Wan Ismail W. O. U. S, I. A. S., Azman M. F, Afham Zakaria M. A., Mohd Noor M. L. H., (2024). The implementation of the National Education Philosophy (FPK) and Digital Literacy Education in the Curriculum. *Asian People Journal*, 7(1), 164-179.

PENDAHULUAN

Sebagai sebuah negara yang mengangkat sistem pendidikan sebagai tunjang utama kemajuan negara, usaha yang berterusan dalam mewujudkan lagi potensi individu dan anak watan yang seimbang dari segala aspek termasuklah jasmani, emosi, rohani dan intelek (JERI) sentiasa dipergiatkan. Perkara ini bertepatan dengan apa yang telah termaktub dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) di mana FPK sendiri menjadi rujukan utama sebagai satu medium pembangunan insan bagi mendidik generasi yang seimbang dan holistik (Syahirah Rosli, 2022). Oleh hal yang demikian, seharusnya semua institusi pendidikan menjadikan FPK sebagai teras utama menjalankan kegiatan yang berkaitan dengan pendidikan.

Sejak 1988 lagi, FPK telah mendahului kesemua sistem Pendidikan bagi membantu sistem persekolahan mengaplikasikan ciri-ciri pembelajaran abad ke-21 (Mohamad Johdi Salleh, 2022). Sebagaimana yang sedia maklum, abad ke-21 terkenal sebagai abad Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) atau *Information Communication Technology* (TMK) sekaligus menjadikan sesuatu kemajuan dan pembaharuan dibentuk melalui ilmu pengetahuan dan penyebaran medium TMK sendiri (Kalaivany Balakrishnan, 2023). Penggunaan TMK kian meluas meliputi semua peringkat umur, bahkan ada segelintir ibu bapa telah memperkenalkannya kepada anak-anak mereka seawal usia 2-3 tahun.

Tambahan lagi, kebaikan penggunaan TMK dilihat memberikan impak yang positif di mana rata-rata masyarakat melihatnya sebagai suatu kemudahan dan mereka sama-sama berlumba melengkapkan diri mereka

dengan ilmu TMK (Idawarna Hasin, 2022). Perkembangan penggunaan TMK ini juga telah memberikan seribu satu kemudahan bagi golongan pendidik terutama dalam mengubah teknik penyampaian pengajaran yang lebih berkesan untuk menyampaikan ilmu, bahkan proses pembelajaran menjadi lebih menarik dan kreatif. Selain daripada itu, peralatan teknologi yang canggih memberikan banyak perubahan dalam usaha pendidik menterjemahkan teknik mendidik di institusi pendidikan masing-masing (Muhamad Nazrul Zainol Abidin, 2021).

Rentetan daripada kebaikan yang dapat diperoleh daripada penggunaan TMK, maka perkara ini amat disarankan oleh pihak atasan supaya penggunaannya sentiasa dipergiatkan. Malah, berpandukan anjakan ke-7 Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025, Kementerian Pendidikan Malaysia turut memberi saranan kepada seluruh pendidik dan pelajar untuk memanfaatkan penggunaan TMK yang sedia ada supaya usaha pembelajaran lebih berjalan lancar. Oleh itu, tidak dapat dinafikan bahawa seiring dengan kemajuan teknologi Revolusi Industri (IR 4.0), globalisasi serta kemampuan atau kebolehan pelajar harus dicungkil sebaiknya bagi melahirkan pelajar yang cemerlang secara optimum dan terbaik untuk merealisasikan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 (Mohamad Johdi Salleh, 2022). Antara objektif kajian yang ingin dicapai adalah seperti berikut: i. mengenal pasti tahap kesediaan guru dalam penggunaan TMK di sekolah dan ii. mengkaji faktor yang menghalang penggunaan TMK dalam kalangan guru.

KAJIAN LITERATUR

Para pengkaji dalam dan luar negara telah banyak menjalankan kajian yang berkaitan dengan penggunaan alat digital. Antaranya ialah kajian yang dijalankan oleh Nur Syarafina (2020) berkenaan kepentingan kedua-dua faktor iaitu kemudahan teknologi dan dorongan motivasi mampu menarik minat serta meningkatkan kesedaran para pelajar tentang pembelajaran digital. Kajian dijalankan bertujuan mengkaji faktor kemudahan teknologi dan motivasi dalam memberikan kesedaran kepada pelajar tentang pembelajaran digital. Seramai 99 orang responden daripada jumlah populasi 11 orang pelajar telah terlibat dalam kajian ini. Kaedah yang digunakan dalam menganalisis data adalah kaedah *ujian-t sampel* tidak bersandar dan ujian korelasi Pearson. Pada akhir kajian, tiga kesimpulan yang dapat dikemukakan ke atas analisis yang dijalankan. Hasil pertama ialah pengkaji mendapati tiadanya hubungan yang positif antara kemudahan teknologi dengan tempat tinggal pelajar. Dapatan kedua yang diperoleh daripada kajian yang dijalankan ialah adanya hubungan signifikan antara kemudahan teknologi, dorongan motivasi dan kesedaran pelajar. Analisis ketiga turut mendapati wujudnya hubungan signifikan di antara motivasi dan jantina pelajar.

Kajian lain turut dijalankan oleh Noradilah dan Lai Wei Seing (2019) mengenai isu yang berputar iaitu peningkatan prestasi pelajar di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) hasil daripada pendidikan menggunakan teknologi. Tujuan kajian ini dilaksanakan bagi mengetahui dan menilai sejauh mana hubungan pelajar terhadap penggunaan teknologi digital pada masa ini dengan penguasaan pelajar terhadap teknologi tersebut sebagai bahan bantu belajar untuk memperoleh maklumat. Kaedah soal selidik digunakan dalam kajian ini untuk mengumpul data primer. Kaedah edaran secara soal selidik bagi mengumpul data telah dijalankan kepada pihak responden secara persampelan rawak mudah di mana ianya melibatkan analisis kuantitatif iaitu menggunakan perisian komputer yang dikenali sebagai SPSS atau Pakej Statistik Sains Sosial. Dapatan kajian yang diperoleh pengkaji ialah golongan yang sudah biasa dan terdedah dengan penggunaan teknologi maklumat khususnya golongan remaja lebih terpengaruh untuk melibatkan diri dalam dunia maya melalui media sosial di samping mereka mempelajari ilmu bahasa iaitu tata bahasa dan perbendaharaan kata.

Selain itu, terdapat juga kajian yang dijalankan berasaskan ujian Kruskal di mana impak penggunaan teknologi dalam pembelajaran antara jantina adalah tidak begitu signifikan. Menurut Khalissafri (2023), kajian berkaitan kesediaan dan cabaran terhadap murid dalam pembelajaran. Kajian ini dilaksanakan bagi tujuan menilai sejauh mana kesediaan pelajar dan cabaran pelajar sendiri belajar dalam suasana pembelajaran secara digital. Kajian ini dilakukan terhadap 52 orang pelajar tingkatan 5 di Maahad Integrasi Tahfiz Selangor, Alam Impian, Klang. Hasil dapatan kajian yang diperoleh pengkaji mendapati bahawa terdapatnya perkaitan antara kesediaan serta cabaran pelajar dalam memastikan proses pembelajaran digital dapat dilaksanakan dengan baik. Selain itu, responden juga menunjukkan tahap kesediaan mereka dalam melaksanakan pembelajaran secara digital memandangkan kemudahan digital seperti komputer, internet dan sebagainya telahpun tersedia.

Sementara itu, kajian daripada Aminamul Saidah (2023) berkaitan pendigitalan pendidikan mendapati terdapat beberapa jurang bagi pendigitalan pendidikan, iaitu berkait dengan faktor pengetahuan, fizikal, ekonomi dan sosial. Hasil kajian menunjukkan walaupun terdapat isu dalam usaha pelaksanaannya, pedagogi pendidikan telah menjadi lebih baik dengan adanya usaha pendigitalan pendidikan.

Kajian tentang Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan pendidikan literasi dalam kurikulum belum dikaji secara meluas oleh para pengkaji. Oleh yang demikian, kajian ini dilakukan untuk mengkaji serta mengenal pasti tahap literasi digital dalam kalangan guru di sekolah.

Sejarah Ringkas Ilmu Falsafah

Menelusuri sejarah sistem pendidikan, ilmu falsafah telah giat diperkenalkan di barat dan terkenal dalam kalangan orang Greek. Antara tokoh-tokoh falsafah Greek yang terkemuka seperti Socrates (470-399 B.C), Plato (427-347 B.C.) dan Aristotle (384-322 B.C.) telah memperluaskan lagi ilmu falsafah di mana falsafah klasik dan antikuiti yang digunakan pada zaman tersebut menandakan berkembangnya ilmu falsafah. Malahan, falsafah antikuiti atau bahasa mudahnya ialah falsafah etika pada ketika itu dikembang luaskan oleh golongan Kristian dan diperkenalkan ke pusat-pusat pengajian Kristian.

Selain itu, menurut Sejarah yang tercatat, selepas perkembangan ilmu falsafah diperluaskan kepada golongan Kristian, ianya diteruskan penyampaiannya kepada tokoh-tokoh falsafah Islam di Baghdad mulai pertengahan abad ke-9 dan berterusan hingga abad ke-10 Masihi. Antara ilmu falsafah yang dibawa ketika itu termasuklah ilmu falsafah sepemikiran seperti Stoicism, Epicureanism dan Neo-Platonisme. Malah, ianya dikatakan memberikan kesan yang mendalam terhadap bentuk ideologi dan ajaran agama Kristian dan Yahudi pada zaman tersebut (Mohd Nasir Omar 2010; Stace 1967; dan Walzer 1962).

Perkara yang perlu diberi perhatian adalah bahawa ahli falsafah Islam telah menjadikan detik ini sebagai salah satu usaha menyelidik ilmu pemikiran falsafah era antikuiti iaitu kira-kira pada akhir abad ke-9 dan awal abad ke-10 Masihi. Mazhab-mazhab terbesar dalam Islam iaitu Mazhab Syafie, Maliki, Hambali dan Hanafi juga sudah lama berkembang seiring berkembangnya era falsafah barat di mana ilmu falsafah empat mazhab ini berada pada tahap pencapaian cemerlang dan dijadikan rujukan oleh ramai pihak. Tidak ketinggalan juga, ilmu agama lain seperti ilmu kalam, ilmu hadis, ilmu tafsir dan ilmu fekah giat dikembang luaskan pada ketika itu.

Definisi Pengenalan Falsafah

Falsafah ialah bidang ilmu yang mengkaji pemikiran manusia atau secara umumnya ialah bidang ilmiah yang mencari kebenaran umum dan asas. Perkataan falsafah yang sering diguna pakai berasal daripada Bahasa Greek

yang terbahagi kepada dua suku kata. Philo yang membawa maksud cinta dan Sophia memberi makna hikmah. Jika kedua suku kata ini digabungkan menjadi Philosophia membawa maksud hikmah atau kebenaran.

Plato menyatakan bahawa falsafah adalah pengetahuan tentang segala kewujudan, sebaliknya, Aristotle yang merupakan murid Plato, menyatakan bahawa falsafah adalah usaha untuk mengkaji asas segala benda, sebab-sebab dan mengkaji asal kewujudan. Menurut Al-Farabi, falsafah ialah ilmu pengetahuan tentang alam yang wujud dan bertujuan menyelidik hakikatnya yang sebenar. Tujuan falsafah ini adalah untuk mengajar manusia berfikir secara baik, mendapat kebenaran, dan menggunakan pemikiran logik dan kritis semasa mereka melakukan sesuatu perkara atau pekerjaan. Oleh itu, Philosophia membawa maksud *love of knowledge or wisdom*. Selain itu, falsafah mempunyai fungsi dan matlamat dengan mengajar moral dan etika yang berguna dalam kehidupan seharian. Sebagai contoh, falsafah mengajar manusia bahawa setiap orang perlu berdisiplin, beradab, dan beretika supaya dunia boleh berkembang dan aman. Bahkan, falsafah juga mampu menjelaskan pandangan serta cara hidup dan pandangan dunia.

Dengan mempelajari dan menghayati ilmu falsafah, manusia mampu berfikir secara baik dan sistematik. Oleh itu, pembelajaran falsafah membolehkan seseorang mencernakan konsep atau idea secara menyeluruh dan mengetahui kebaikan dan kelemahan konsep tersebut. Berkait dengan pemikiran logik akal, falsafah sangatlah penting. Oleh yang demikian, seseorang boleh membuat keputusan yang baik serta menilai bukti dan hujah-hujah untuk membentuk idea tersebut.

Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK)

Umum mengetahui, pembawaan Falsafah Pendidikan Kebangsaan terhasil melalui satu proses yang agak kompleks iaitu dalam usaha melahirkan generasi yang berkualiti semenjak zaman merdeka lagi. Menelusuri catatan sejarah FPK sendiri, pembawaan atau teras FPK lahir selepas pengeluaran laporan Jawatankuasa Kabinet iaitu pada tahun 1979. Sebelumnya, FPK yang dikenali sebagai Falsafah Pendidikan Negara (FPN) telah digubal dan ditekankan dengan 3 landasan ideologi utama termasuklah Rukun Negara, Dasar Ekonomi Baru dan Dasar Pendidikan Kebangsaan. Pakar - pakar yang terlibat berusaha sedaya upaya meneliti secara mendalam dengan mengambil berat keperluan individu-individu, masyarakat dan negara (Siti Aisyah Mohamad Zin, 2022). Falsafah Pendidikan Kebangsaan 1996 adalah seperti berikut:

“Pendidikan di Malaysia ialah satu usaha berterusan ke arah memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepada kepercayaan dan kepatuhan kepada tuhan. Usaha ini adalah bagi melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketrampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara.”

Selari dengan konteks ayat tersebut, FPK merupakan satu langkah yang berterusan melahirkan individu yang berakhlak mulia, seimbang dan bersepadu dari aspek jasmani, emosi, rohani dan intelek (JERI) (Syahirah Rosli, 2022). Hal ini juga selaras dengan lima konsep Rukun Negara yang dipegang oleh rakyat Malaysia iaitu Kepercayaan kepada Tuhan, Kesetiaan kepada Raja dan Negara, Keluhuran Perlembagaan, Kedaulatan Undang-undang serta Kesopanan dan Kesusilaan.

Menggunakan keselarasan prinsip yang digariskan dalam Rukun Negara sebagai satu usaha yang kritis dan berstruktur, misi dan visi FPK dilihat penting dalam melahirkan individu yang cerdik pandai dan seimbang, berpotensi dalam apa jua bidang yang diceburi, serta berminda kritis dan kehadapan yang mampu menjadi pemikir profesional yang berupaya menyelesaikan segala masalah. Di samping itu juga, FPK dapat melahirkan pemimpin yang senantiasa memikirkan strategi, menjadi pemimpin yang bersifat amanah dan seorang yang mampu melibatkan diri secara langsung dalam teknologi inovatif futuristik (Mohamad Johdi Salleh, 2022).

Secara rangkuman, FPK telah menjadi panduan lengkap dalam memperkembangkan modal insan yang bersifat syumul daripada segala aspek selari dengan kemajuan arus semasa. Menitik beratkan unsur teras penting seperti rohani, emosi, intelek dan jasmani dapat melahirkan generasi yang berkualiti dan berdaya maju. Maka, dengan adanya keselarasan dalam sistem pendidikan di negara kita, ianya mampu menjadi rujukan utama dalam melakukan segala dasar dan pelaksanaan yang telah dirancang agar tetap berada pada landasan yang sama di semua institusi pendidikan (Saad, Rajamanickam, 2021).

Literasi Digital

Masyarakat pada zaman ini, sama ada dewasa mahu pun kanak-kanak, lebih cenderung menggunakan teknologi dek kerana perkembangan dunia yang sangat pesat. Tidak terkecuali juga dengan pendidikan yang mengambil peluang untuk ditambah baik dari segi proses pembelajaran dan pengajaran menggunakan teknologi. Wujudnya teknologi dalam pendidikan atau istilah yang digunakan 'Literasi Digital' dalam kurikulum menjadikan proses pembelajaran lebih efektif dan efisien. Paul Gilster pertama kali memperkenalkan istilah 'literasi digital' dalam bukunya yang bertajuk Digital Literacy. Literasi digital menurut Gilster, ialah kemampuan untuk menggunakan teknologi dan maklumat digital dengan berkesan dalam pelbagai bidang, seperti kehidupan sehari-hari, kerjaya dan akademik (Fitriyani, 2022).

Keupayaan menulis dan membaca dikenali sebagai literasi, dan merupakan komponen ataupun faktor penting dalam proses pembinaan ilmu pengetahuan di dalam bilik darjah. (Norizzathy Agir, 2022). Walau bagaimanapun, pada dasarnya literasi membawa maksud keupayaan seseorang untuk membaca dan menulis.

Menurut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka, digital merujuk kepada proses yang mewakili data dengan angka atau aksara lain seperti mendigitalkan atau menukar data kepada bentuk digital supaya komputer boleh memproses data tersebut. Literasi digital ditakrif sebagai teknologi yang digunakan secara digital dan juga literasi yang dikembangkan berdasarkan literasi moden yang dibentuk dengan interaksi (Norizzathy Agir, 2022). Terdapat juga istilah lain yang digunakan untuk menggambarkan medium penyampaian pendidikan hari ini seperti literasi media, literasi komputer dan literasi IT.

Kurikulum

Kurikulum merupakan salah satu elemen terpenting dalam acuan pendidikan bagi sesebuah komuniti. Definisi kurikulum menurut Kementerian Pendidikan Malaysia ialah suatu program pendidikan yang terdiri daripada kurikulum dan aktiviti kokurikulum yang meliputi segala pengetahuan, norma, kemahiran, budaya, nilai dan kepercayaan untuk membentuk keperibadian murid yang syumul dari aspek jasmani, emosi, rohani serta intelek dan mewujudkan nilai moral yang diinginkan dalam diri murid.

Secara umumnya, pendidikan selalu dikaitkan dengan proses pengajaran dan pembelajaran bagi sesuatu penyampaian ilmu, kemahiran serta penerapan nilai yang diperoleh daripada hasil pembelajaran. Kesannya, hal ini membentuk generasi yang mampu mempraktikkan ilmu dan kemahiran serta memanfaatkannya dalam kehidupan

seharian. Sehubungan dengan itu, pembentukan generasi syumul lebih banyak dipengaruhi oleh sistem pendidikan formal manakala Dasar Pendidikan Negara menjadi panduan untuk melahirkan insan yang berilmu pengetahuan. (Rahman, 2020). Proses penggubalan dasar-dasar pendidikan seharusnya ditambah baik seiring dengan tahap pembelajaran pelajar pada ketika itu.

Kurikulum di Malaysia yang ada pada hari ini, telah lama diasaskan iaitu sejak zaman sebelum merdeka dan selepas merdeka. Menurut Dayana Balqis Othman (2021), Kurikulum Pendidikan di Malaysia bertujuan melahirkan modal insan yang berkualiti dari segenap aspek termasuklah akademik serta sahsiah. Pendidikan sebelum merdeka dimulai dengan pendidikan pondok, pendidikan era penjajah, pendidikan vernakular, pendidikan sekolah Melayu, pendidikan sekolah Cina, pendidikan sekolah Tamil dan Laporan Barnes 1950.

Selepas negara mencapai kemerdekaan pada tahun 1957, banyak perubahan dapat kita lihat yang telah membawa impak positif kepada sistem pendidikan negara. Antara usaha yang telah dilaksanakan adalah dengan mewujudkan satu sistem pendidikan kebangsaan. Pelaksanaan sistem pendidikan negara berlandaskan kepada Penyata Razak 1956 (Zaini Bin Abdullah, 2020). Asas kurikulum di Malaysia juga melalui beberapa gelombang perubahan dimulai dengan Kurikulum Lama Sekolah Rendah (KLSR), seterusnya Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) dan mutakhir ini, Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR). Begitu juga dengan kurikulum sekolah menengah yang dahulunya Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) dan kini menjadi Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) yang sedang diguna pakai dalam pengajaran dan pembelajaran seharian.

Hubungkait antara FPK dengan Pendidikan Literasi Digital dalam Kurikulum

Dalam pembentukan sistem pendidikan Malaysia, Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) Malaysia dijadikan sandaran ataupun landasan kerana mempunyai aspek kurikulum, pedagogi, axiologi, estetika, dan saintifik. (Mohamad Johdi Salleh, 2022). Ini menunjukkan dasar pendidikan di Malaysia terpalit dan berkait rapat dengan FPK yang mana mempunyai visi dan misi yang jelas. Ditekankan dalam visi dan misi FPK melestarikan sistem pendidikan, potensi individu dan pembentukan bakat insan yang cemerlang di mana pendidikan literasi digital dalam kurikulum mampu mendukung visi dan misi tersebut.

Pentingnya pendidikan literasi digital lebih-lebih lagi dalam pembelajaran secara atas talian kerana dapat meningkatkan pembelajaran pelajar dan akses kepada maklumat. Usaha mendidik di era digital ini, harus diteliti dan diambil berat bahawa teknologi merupakan sebahagian daripada kehidupan dan tidak dapat dipisahkan. Bukan hanya guru, malah pelajar juga harus memberi komitmen dan kerjasama yang utuh untuk menjayakan pendidikan literasi digital dalam kurikulum. Selari dengan visi dan misi FPK, literasi digital ialah kebolehan yang merangkumi bukan sahaja kemahiran komunikasi dan penggunaan teknologi maklumat, akan tetapi juga keupayaan untuk berinteraksi, belajar, berfikir kritis dan kreatif, serta inspirasi untuk menunjukkan kemampuan digital (Fitriyani, 2022).

Melalui Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) yang dibentuk berdasarkan FPK, anjakan ketujuh dalam PPPM berfokuskan kepada meningkatkan kualiti pembelajaran di Malaysia dengan menggunakan TMK, murid boleh menggunakan TMK untuk belajar secara atas talian ataupun mencari maklumat penting secara atas talian. Mengajar kanak-kanak menggunakan aplikasi mudah alih memberi kesan positif. Hasil kajian dilihat membantu mereka memahami dan menguasai huruf Hijaiyyah. (Norazly Nordin, 2021). Oleh itu, pendidikan literasi digital dalam kurikulum dilihat mampu merealisasikan visi dan misi FPK dalam melahirkan insan terdidik dan pendidikan yang berkualiti.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian yang dijalankan berbentuk kuantitatif yang menggunakan kaedah soal selidik untuk memperoleh data. Sebanyak 40 set soal selidik telah diedarkan kepada guru-guru di empat buah sekolah yang terdiri daripada dua buah sekolah rendah dan dua buah sekolah menengah. Hasil kajian ini dianalisis menggunakan perisian SPSS (*Statistical Package For The Sosial Science*). Analisis dijalankan melibatkan nilai skor yang telah ditanda oleh guru-guru di dalam Skala Likert dan seterusnya nilai tersebut ditukarkan ke dalam bentuk peratusan. Borang soal selidik yang telah diedarkan ini terbahagi kepada dua bahagian, iaitu bahagian A (demografi), bahagian B (a) kesediaan guru dalam penggunaan TMK dan bahagian B (b) faktor-faktor menghalang penggunaan TMK dalam kalangan guru.

Instrumen Kajian

Instrumen kajian yang dijalankan adalah menggunakan Skala Likert melibatkan soalan dan laras bahasa yang mudah untuk difahami oleh responden.

Jadual 1: Skala dan lima aras persetujuan

Skala	Aras persetujuan
1	Sangat Tidak Setuju
2	Tidak Setuju
3	Tidak Pasti
4	Setuju
5	Sangat Setuju

HASIL DAN PERBINCANGAN

Dapatan Objektif Kajian 1

Jadual 2 menunjukkan kesediaan guru sekolah menengah dalam penggunaan TMK, manakala skor min bagi keenam-enam item soalan ialah 4.52 yang menunjukkan kesediaan guru sekolah menengah dalam penggunaan TMK berada pada tahap yang baik.

Jadual 2: Kesediaan guru sekolah menengah dalam penggunaan TMK

Bil	Pernyataan Item	STS (%)	TS (%)	TP (%)	S (%)	SS (%)	Min	S.P
1	Penggunaan TMK membantu dalam pengajaran di sekolah.	0	0	0	25	75	4.75	.444
2	Guru menyokong pembelajaran TMK di luar waktu kelas.	0	0	0	60	40	4.40	.503
3	Penggunaan TMK membantu berinteraksi secara lebih berkesan dengan rakan sekerja dan pelajar.	0	0	10	50	40	4.30	.657
4	Saya percaya masa depan pembelajaran lebih meluas menggunakan TMK dalam pendidikan.	0	0	0	35	65	4.65	.489

5	Saya percaya pembelajaran menggunakan TMK akan memanfaatkan generasi akan datang.	0	0	0	50	50	4.50	.513
6	Penggunaan TMK untuk pengajaran dan pembelajaran adalah menggalakkan.	0	0	0	50	50	4.50	.513
Jumlah Skor Min							4.52	.520

Skor min paling tinggi iaitu 4.75 terdapat pada item satu yang menyatakan bahawa penggunaan TMK membantu dalam pengajaran di sekolah. Hal ini selari dengan pandangan oleh Irkham Abdul Huda (2020) bahawa penggunaan TMK ini membantu dalam meningkatkan kualiti pembelajaran.

Seterusnya, item tiga telah menunjukkan skor min paling rendah iaitu 4.30. Pada item ini juga terdapat 10% dalam kalangan guru sekolah menengah yang tidak pasti terhadap pernyataan item penggunaan TMK membantu berinteraksi secara lebih berkesan dengan rakan sekerja dan pelajar.

Jadual 3 menunjukkan kesediaan guru sekolah rendah dalam penggunaan TMK dengan jumlah skor min bagi keseluruhan item ialah 4.59. Jumlah skor ini membuktikan bahawa guru-guru di sekolah rendah juga mempunyai kesediaan dalam penggunaan TMK.

Jadual 3: Kesediaan guru sekolah rendah dalam penggunaan TMK

Bil	Pernyataan Item	STS (%)	TS (%)	TP (%)	S (%)	SS (%)	Min	S.P
1	Penggunaan TMK membantu dalam pengajaran di sekolah	5	0	0	20	75	4.60	.940
2	Guru menyokong pembelajaran TMK di luar waktu kelas	0	0	0	55	45	4.45	.510
3	Penggunaan TMK membantu berinteraksi secara lebih berkesan dengan rakan sekerja dan pelajar	0	0	0	45	55	4.55	.510
4	Saya percaya masa depan pembelajaran lebih meluas menggunakan TMK dalam pendidikan	0	0	0	25	75	4.75	.444
5	Saya percaya pembelajaran menggunakan TMK akan memanfaatkan generasi akan datang	0	0	0	30	70	4.70	.470
6	Penggunaan TMK untuk pengajaran dan pembelajaran adalah menggalakkan	0	0	5	40	55	4.50	.607
Jumlah Skor Min							4.59	.580

Item empat dengan skor min yang tertinggi sebanyak 4.75 menunjukkan bahawa guru-guru sekolah rendah percaya masa depan pembelajaran lebih meluas menggunakan TMK dalam pendidikan. Bertepatan dengan pandangan Noradilah Binti Aziz (2019) mengatakan bahawa terdapat impak positif kepada para pelajar selepas

mereka menggunakan TMK untuk memperoleh maklumat dan sekaligus menambahkan ilmu pengetahuan para pelajar.

Selain itu, skor min paling rendah pula berada pada item dua iaitu sebanyak 4.45. Walau bagaimanapun, guru-guru di sekolah rendah menyokong pembelajaran TMK di luar waktu kelas. Hal ini dibuktikan dengan melihat kepada penandaan pada skor Skala Likert di mana guru-guru hanya memilih skor empat dan lima sahaja. Namun begitu, terdapat sejumlah 5% daripada kalangan guru sekolah rendah yang sangat tidak setuju bahawa penggunaan TMK membantu dalam pengajaran di sekolah. Begitu juga dengan 5% guru yang tidak pasti dengan penggunaan TMK untuk pengajaran dan pembelajaran adalah digalakkan.

Dapatan Objektif Kajian 2

Jadual 4 menunjukkan faktor-faktor yang menghalang penggunaan TMK dalam kalangan guru sekolah menengah dengan bacaan skor min keseluruhan sebanyak 3.86.

Jadual 4: Faktor-faktor yang menghalang penggunaan TMK dalam kalangan guru sekolah menengah

Bil	Pernyataan Item	STS (%)	TS (%)	TP (%)	S (%)	SS (%)	Min	S.P
1	Sekolah tidak mempunyai kemudahan TMK yang mencukupi	5	10	5	45	35	3.95	1.146
2	Guru-guru tidak mempunyai masa yang mencukupi untuk menggunakan TMK dalam pengajaran dan pembelajaran	5	10	5	45	35	3.95	1.146
3	Guru-guru kekurangan latihan dan bengkel menggunakan TMK	5	15	5	40	35	3.85	1.226
4	Sekolah kekurangan guru-guru yang mahir menggunakan TMK	5	20	5	40	30	3.70	1.261
Jumlah Skor Min							3.86	1.195

Berdasarkan Jadual 4, item soalan satu dan dua mempunyai skor min paling tinggi iaitu 3.95. Hal ini membuktikan bahawa faktor yang terbesar menghalang penggunaan TMK dalam kalangan guru sekolah menengah adalah disebabkan oleh kemudahan TMK yang tidak mencukupi serta guru-guru tidak mempunyai masa yang mencukupi untuk menggunakan TMK dalam pengajaran dan pembelajaran. Sebagaimana yang telah dinyatakan oleh Norazlin Mohd Rusdin (2019) proses pengajaran dan pembelajaran pada waktu pengajaran guru-guru diganggu oleh aktiviti-aktiviti yang tidak berkaitan, sebagai contoh program-program yang dianjurkan di sekolah memakan masa pengajaran dan pembelajaran para guru. Oleh itu, para guru tidak mempunyai masa yang mencukupi untuk menggunakan TMK dalam pengajaran dan pembelajaran dan lebih berfokus kepada menghabiskan sukatan pelajaran tahunan.

Item empat yang menyatakan bahawa sekolah kekurangan guru-guru yang mahir menggunakan TMK sebagai faktor yang menghalang penggunaan TMK dalam kalangan guru sekolah menengah menunjukkan bacaan skor min paling rendah iaitu sebanyak 3.70. Walaupun skor min paling rendah, terdapat 70% dalam kalangan guru sekolah menengah bersetuju bahawa pernyataan item empat ini sebagai faktor yang menghalang penggunaan TMK secara menyeluruh.

Jadual 5 menunjukkan faktor-faktor yang menghalang penggunaan TMK dalam kalangan guru sekolah rendah beserta jumlah skor bagi keempat-empat item iaitu 3.79.

Jadual 5: Faktor-faktor yang menghalang penggunaan TMK dalam kalangan guru sekolah rendah

Bil	Pernyataan Item	STS (%)	TS (%)	TP (%)	S (%)	SS (%)	Min	S.P
1	Sekolah tidak mempunyai kemudahan TMK yang mencukupi	0	15	0	55	30	4.00	.973
2	Guru-guru tidak mempunyai masa yang mencukupi untuk menggunakan TMK dalam pengajaran dan pembelajaran	0	20	5	70	5	3.60	.883
3	Guru-guru kekurangan latihan dan bengkel menggunakan TMK	0	15	15	45	25	3.80	1.005
4	Sekolah kekurangan guru-guru yang mahir menggunakan TMK	0	20	10	45	25	3.75	1.070
Jumlah Skor Min							3.79	.983

Skor min paling tinggi ialah 4.00 yang terdapat pada item satu. Hal ini membuktikan bahawa kemudahan TMK yang tidak mencukupi menjadi faktor utama menghalang penggunaan TMK dalam kalangan guru-guru sekolah rendah. Disamping itu, item 2 mempunyai skor min paling rendah sebanyak 3.60.

Jika dibandingkan dengan skor min pada item dua dalam jadual 4, satu gambaran awal menunjukkan bahawa guru-guru di sekolah rendah mempunyai lebih banyak ruang masa berbanding guru-guru di sekolah menengah untuk menggunakan TMK dalam pengajaran dan pembelajaran seharian.

Jadual 6 menunjukkan tahap kesediaan guru dalam penggunaan TMK dengan jumlah skor min keseluruhan yang diperolehi 4.56.

Jadual 6: Kesediaan guru dalam penggunaan TMK

Bil	Pernyataan Item	STS (%)	TS (%)	TP (%)	S (%)	SS (%)	Min	S.P
1	Penggunaan TMK membantu dalam pengajaran di sekolah	2.5	0.0	0.0	22.5	75.0	4.68	.730
2	Guru menyokong pembelajaran TMK di luar waktu kelas	0.0	0.0	0.0	57.5	42.5	4.42	.501
3	Penggunaan TMK membantu berinteraksi secara lebih berkesan dengan rakan sekerja dan pelajar	0.0	0.0	5.0	47.5	47.5	4.43	.594
4	Saya percaya masa depan pembelajaran lebih meluas menggunakan TMK dalam pendidikan	0.0	0.0	0.0	30.0	70.0	4.70	.464

5	Saya percaya pembelajaran menggunakan TMK akan memanfaatkan generasi akan datang	0.0	0.0	0.0	40.0	60.0	4.60	.496
6	Penggunaan TMK untuk pengajaran dan pembelajaran adalah menggalakkan	0.0	0.0	2.5	45.0	52.5	4.50	.555
Jumlah Skor Min							4.56	.557

Item empat mempunyai nilai skor min paling tinggi sebanyak 4.70. Hal ini menunjukkan bahawa guru-guru percaya masa depan pembelajaran lebih meluas menggunakan TMK dalam pendidikan. Seterusnya, skor min paling rendah ditunjukkan oleh item dua sebanyak 4.42. Walau bagaimanapun, bukan beerti guru-guru tidak menyokong pembelajaran TMK di luar waktu kelas. Hal ini dibuktikan dengan penandaan Skala Likert empat dan lima sahaja dalam item ini oleh keseluruhan responden dalam kalangan guru.

Secara umumnya, guru-guru mempunyai kesediaan yang tinggi dalam penggunaan TMK sewaktu proses pengajaran dan pembelajaran. Hal ini selari dengan pandangan Lapada (2020) yang mengatakan bahawa guru-guru bersedia dari segi mental untuk menyesuaikan diri dengan cara baharu, kreatif dan inovatif dalam menyampaikan ilmu kepada para pelajar seperti contoh pembelajaran secara dalam talian. Jika diimbau kembali ketika Covid-19 melanda seluruh dunia, sekolah diarahkan tutup. Oleh yang demikian, guru-guru didedahkan dengan proses pengajaran dan pembelajaran secara dalam talian dan ini menyebabkan mereka perlu beradaptasi dan memaksimumkan penggunaan teknologi dalam pengajaran.

Menurut Norehan Muhammad Nasir (2021) menegaskan, isu yang sama iaitu cabaran utama guru dalam menyesuaikan diri dengan penggunaan teknologi terlihat jelas terutamanya apabila proses pengajaran dan pembelajaran dikendalikan di rumah ataupun secara dalam talian. Banyak usaha yang diletakkan oleh guru bagi memastikan mereka bersedia untuk menyampaikan ilmu dengan baik kepada para pelajar melalui penggunaan pelbagai media sosial.

Pandemik Covid-19 yang melanda negara telah mengubah persepsi masyarakat termasuk guru-guru terhadap penggunaan teknologi. Kini penggunaan teknologi yang semakin meluas membantu para guru untuk mempelbagaikan kaedah pembelajaran bagi menarik minat pelajar. Jelaslah di sini bahawa guru-guru kini bersedia dengan penggunaan TMK dalam pengajaran dan pembelajaran selari dengan hasil dapatan kajian ini.

Jadual 7 menunjukkan factor-faktor yang menghalang penggunaan TMK dalam kalangan guru dengan jumlah skor min bagi keseluruhan item ialah 3.82.

Jadual 7: Faktor-faktor yang menghalang penggunaan TMK dalam kalangan guru

Bil	Pernyataan Item	STS (%)	TS (%)	TP (%)	S (%)	SS (%)	Min	S.P
1	Sekolah tidak mempunyai kemudahan TMK yang mencukupi	2.5	12.5	2.5	50.0	32.5	3.98	1.050
2	Guru-guru tidak mempunyai masa yang mencukupi untuk menggunakan	2.5	15.0	5.0	57.5	20.0	3.77	1.025

	TMK dalam pengajaran dan pembelajaran								
3	Guru-guru kekurangan latihan dan bengkel menggunakan TMK	2.5	15.0	10.0	42.5	30.0	3.82	1.107	
4	Sekolah kekurangan guru-guru yang mahir menggunakan TMK	2.5	20.0	7.5	42.5	27.5	3.72	1.154	
Jumlah Skor Min							3.82	1.084	

Skor min yang tertinggi berada pada item satu iaitu sebanyak 3.98. Hal ini membuktikan bahawa kekurangan kemudahan TMK menjadi faktor terbesar yang menghalang penggunaan TMK dalam kalangan guru. Sepertimana yang telah diperkatakan oleh Norazly Nordin (2021) bahawa menurut Kajian Antarabangsa Pengajaran dan Pembelajaran (TALIS), sebanyak 57% sekolah masih tidak mempunyai capaian internet, dan 41% sekolah kekurangan perisian bantu mengajar yang boleh digunakan di dalam kelas.

Selain itu, kemudahan komputer yang mencukupi untuk tujuan pengajaran dan pembelajaran masih kurang 53% sekolah-sekolah di Malaysia. Oleh yang demikian, kemudahan TMK yang mencukupi amat penting supaya guru-guru boleh memanfaatkannya bagi meningkatkan kualiti pendidikan selaras dengan anjakan ketujuh dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM).

Seterusnya, item empat pula menunjukkan skor min paling rendah iaitu sebanyak 3.72. Hal ini menunjukkan bahawa kekurangan guru yang mahir menggunakan TMK bukan faktor utama menghalang penggunaan TMK dalam kalangan guru. Hasil dapatan ini jelas bertentangan dengan pandangan Kayalvini Munusamy (2022) yang mengatakan bahawa kekurangan kemahiran dalam kalangan guru-guru merupakan isu utama penggunaan TMK dalam pengajaran.

Natijahnya, hasil kajian ini mendapati bahawa majoriti guru-guru bersetuju dengan faktor-faktor yang dikaji walaupun skor min bagi setiap item berada pada skor kurang daripada empat. Walau bagaimanapun, nilai peratusan terbesar bagi setiap item berada pada Skala Likert empat. Oleh itu, faktor-faktor ini perlu diberi penekanan yang sewajarnya dan dititikberatkan bagi memastikan guru-guru dapat mengoptimumkan penggunaan teknologi dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Selari dengan ciri-ciri guru bagi pembelajaran abad ke-21 (PAK21), di mana seorang guru mestilah menggunakan teknologi dalam proses pembelajaran bagi menarik minat pelajar untuk terus belajar.

KESIMPULAN

Secara kesimpulannya, Falsafah Pendidikan Kebangsaan merupakan tunjang kepada sistem pendidikan di Malaysia dan menjadi panduan utama kepada para pendidik untuk membangunkan potensi individu secara holistik dari sudut jasmani, emosi, rohani dan intelek. Menjunjung kepada visi dan misi FPK dalam mewujudkan pendidikan berkualiti, Pelan Pembangunan Pendidikan Kebangsaan (PPPM) telah meletakkan salah satu daripada 11 anjakan bagi mentransformasikan sistem pendidikan negara dengan menggalakkan para guru memanfaatkan sepenuhnya TMK bagi meningkatkan kualiti pembelajaran di Malaysia.

Hasil daripada kajian ini telah membuktikan bahawa guru-guru mempunyai kesediaan yang tinggi dalam penggunaan TMK bagi mencapai visi dan misi FPK, selari dengan tuntutan pembelajaran abad ke-21 yang telah

diperkenalkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). PAK 21 menggariskan ciri-ciri bahawa guru-guru mestilah menguasai teknologi terkini dan perlu menerapkannya ke dalam sesi pengajaran dan pembelajaran. Jelaslah bahawa pendidikan literasi digital atau penggunaan TMK dalam pengajaran merupakan satu langkah yang perlu dilaksanakan bagi merealisasikan PPPM 2013-2025 secara umumnya serta visi dan misi FPK secara khususnya.

RUJUKAN

- Adlina Binti Abdul Khalil, Nur Hidayu Binti Jaafar, & Rosfazila Binti Abd Rahman. (2020). Kesediaan Dan Kesedaran Masyarakat Melayu Pinggir Bandar Terhadap Transformasi Pendidikan Negara. *Persidangan Antarabangsa Sains Sosial Dan Kemanusiaan*.
- Aminamul Saidah Mad Nordin, Bity Salwana Alias, & Zamri Mahamod. (2023). Pendigitalan Pendidikan. *Jurnal Penyelidikan Pendidikan dan Teknologi Malaysia*, 1(1), 66-72.
- Dayana Balqis Othman, & Muhammad Hussin. (2021). Model Kurikulum Pendidikan Ekonomi Islam Di Malaysia. *The International Conference on Management and Muamalah*.
- Fitriyani, & Arief Teguh Nugroho. (2022). Literasi Digital Di Era Pembelajaran Abad 21. *El-Mujtama: Jurnal Pengabdian Masyarakat*, 2(2), 201-208.
- Hasbollah Mat Saad, & Ramalinggam Rajamanickam. (2021). Maqasid Memelihara Akal (Hifz al-'Aql) Dan Hubungannya Dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan. *Islamiyyat*, 43(Isu Khas), 93-104.
- Idawarna Hasin, Rashidah Othman, Noor Syahida Abdullah, Kartini Mohd Yusoff, & Mohd Roslan Ab Rahman. (2022). Isu dan Cabaran Pembelajaran Digital dalam Transformasi Pendidikan Negara Pasca Covid-19. *Jurnal Pendidikan Bitara UPSI*, 15(2), 23 - 32.
- Irkham Abdaul Huda. (2020). Perkembangan Teknologi Informasi Dan Komunikasi (TIK) Terhadap Kulaitas Pembelajaran Di Sekolah Dasar. *Jurnal Pendidikan Dan Konseling*, 2(1), 121-125.
- Kalaivany Balakrishnan. (2023). Sokongan Pentadbir Dan Faktor Kemudahan Mempengaruhi Penggunaan TMK Dalam Pengurusan PdPc. *Muallim Journal of Social Science and Humanities*, 7(1), 121 - 128.
- Kayalvini Munusamy, & Khairul Azhar Jamaludin. (2022). Cabaran Guru Untuk Mengintegrasikan Teknologi Maklumat Dan Komunikasi (TMK) Bagi Meningkatkan Kemahiran Membaca Dalam Kalangan Murid. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 4(3), 265-273.
- Khalissafri Mohd Haslin, & Mohd Isa Hamzah. (2023). Pendigitalan Pendidikan: Kesediaan Dan Cabaran Terhadap Murid Dalam Pembelajaran. *Qalam International Journal of Islamic and Humanities Research*, 3(1), 41-56.
- Lapada Aris Alea, Miguel Frosyl Fabrea, Robledo Dave Arthur Roldan, & Alam Zeba Farooqi. (2020). Teachers' Covid-19 Awareness, Distance Learning Education Experiences and Perceptions towards Institutional

Readliness and Challenges. *International Journal of Learning, Teaching and Educational Research*, 19(6), 127-144.

Mohamad Johdi Salleh. (2022). Falsafah Pendidikan Kebangsaan Paradigma J.E.R.I.S.A.H Membina Insan Sejahtera Bertaqwa: Perspektif Kepimpinan Pendidikan Dan Guru-Guru. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 4(1), 197-215.

Muhamad Nazrul Zainol Abidin, Muhammad Helmi Norman, & Noorhayati Mohd Noor. (2021). Keberkesanan Penggunaan Realiti Maya Dalam Kurikulum Pendidikan Malaysia. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 3(1), 729 - 737.

Muhammad Zarif Hassan@Zulkifli, Mohd Zariat Abdul Rani, Salmah Jan Noor Muhammad, & Ab. Halim Mohamad. (2022). Kesejajaran Matlamat Falsafah Pendidikan Kesusasteraan Melayu Dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan: Suatu Penelitian Awal. *International Journal of Education and Training*, 8(2), 1-11.

Noradilah Binti Aziz, & Lai Wei Sieng. (2019). Impak Pendidikan Berasaskan Teknologi Terhadap Peningkatan Prestasi Pelajar Di UKM. *Jurnal Personalia Pelajar*, 22(1), 69-75.

Norazlin Mohd Rusdin, & Siti Rahaimah Ali. (2019). *Amalan Dan Cabaran Pelaksanaan Pembelajaran Abad Ke-21. The International Conference on Islamic Civilization and Technology Management*.

Norazly Nordin, & Juppri Bacotang. (2021). Isu Dan Trend Penggunaan Teknologi Maklumat Dan Komunikasi Dalam Pendidikan Awal Kanak-kanak. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-kanak Kebangsaan*, 10(1), 99-107.

Norehan Binti Mohd Nasir, & Mahaliza Binti Mansor. (2021). Cabaran Guru Dalam Melaksanakan Pengajaran Dan Pembelajaran di Rumah (PdPR): Suatu Pemerhatian Awal. *Malaysian Journal of Sosial Sciences and Humanities*, 6(7), 416-421.

Norizzathy Agir, & Mohd AEffendi @ Ewan Mohd Matore. (2022). Literasi Dan Kewangan Digital: Konsep Dan Strategi Implementasi Dalam Pendidikan Di Malaysia. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, 7(3), 1-9.

Nur Syarafina Binti Abdul Rahman, Zainal Fitri Mohd Zolkifli, & Ying-Leh Ling. (2020). *Kepentingan Kemudahan Teknologi Dan Motivasi Membentuk Kesedaran Pelajar Dalam Pembelajaran Digital*. Paper presented at the National Research Innovation Conference, Kuching, Sarawak.

Siti Aisyah Mohamad Zin, Intan Suria Hamzah, Muhammad Ridhwan Sarifin, Ahmad Faizuddin Ramli, & Mohd Firdaus Md Zain. (2022). Pendidikan Karakter Berdasarkan Aplikasi Falsafah Pendidikan Kebangsaan Terhadap Pembentukan Kepimpinan Dalam Kalangan Mahasiswa. *International Journal of Education, Psychology and Counselling*, 7(47), 563-577.

Syahirah Rosli, Siti Fairuz Mahmud, & Mohd Edyazuan Azni. (2022). Mengintegrasikan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) Dalam Membangunkan Modal Insan Bersepadu. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 4(1), 86-103.

Zaini Bin Abdullah, Ikhsan Bin Othman, Abu Bakar Bin Yusuf, Abdul Talib Bin Mohamed Hashim, & Mohamad Noor Bin Mohmad Taib. (2020). Perkembangan Pendidikan Di Malaysia Ke Arah Pembangunan Insan Dan Negara *Perkembangan Pendidikan di Malaysia: Falsafah dan Dasar*.